

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAAN ID50 FEST
50th ANNIVERSARY OF UiTM INTERIOR DESIGN
PROGRAM

15 NOVEMBER 2025 | SABTU | 7.30 PAGI
DEWAN BERLIAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

**YBrs. Profesor Ts. Dr Hjh Emma Marinie Ahmad
Zawawi**

Dekan

Fakulti Alam Bina

**YBrs. Profesor Dr Yusfida Ayu Abdullah@Mohd
Zain**

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar

Fakulti Alam Bina

YBrs. Dr Tun Mohd Irfan Mohd Suria Affandi

Ketua Pusat Pengajian

Senibina Dalaman

YBrs. Dr Zarina Za'abar

Ketua Projek Program ID50

Barisan Pengurusan Fakulti Alam Bina

Barisan Pensyarah Senibina Dalaman

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini sempena **MAJLIS PERASMIAN ID50 FEST - 50th ANNIVERSARY OF UiTM INTERIOR DESIGN PROGRAM.**
2. Saya dimaklumkan bahawa tahun 2025 merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan Bidang Seni Bina Dalaman di Universiti Teknologi MARA (UiTM).
3. Namun, program pada hari ini bukan sekadar meraikan ulang tahun ke-50 penubuhan Bidang Seni Bina Dalaman, sebaliknya menjadi usaha berterusan untuk menghargai dan mengukuhkan legasi warga Seni Bina Dalaman UiTM di Malaysia.
4. Saya difahamkan bahawa penganjuran program ini adalah usaha Pusat Pengajian Seni Bina Dalaman untuk mengukuhkan hubungan silaturahim antara ahli akademik, alumni dan para pelajar, seterusnya

memperkasa jaringan kolaborasi untuk terus membentuk masa depan industri.

5. Usaha ini sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025, di mana matlamat utama adalah menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka di peringkat global dengan acuan tempatan, atau “Globally Renowned, Locally Rooted”.
6. Bagi UiTM Cawangan Selangor, program seperti hari ini memberikan kelebihan yang boleh dimanfaatkan untuk memperkukuh ketampakan serta memperjelas peranan UiTM Cawangan Selangor sebagai “Universiti Tanpa Sempadan dan Institusi Tanpa Batas”.
7. Saya turut dimaklumkan, terdapat pelbagai aktiviti yang telah dirancang pada pagi ini, seperti:
 - i. ID Lari ‘leha-leha’ (5km Fun Run)

- ii. ID *Retro Fitness Fiesta* (zumba for ladies only)
- iii. ID *Net Set, Go!* (Sport league between alumni and ID students)
- iv. ID *Sketchinization* (Sketch Competition)

8. Justeru, ambillah peluang ini untuk menyertai aktiviti yang diminati, mengeratkan hubungan, serta memanfaatkan setiap pengalaman yang ditawarkan bagi memperkukuh jalinan komuniti UiTM.
9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa penganjur, penaja program, serta para pelajar yang telah bertungkus lumus menjayakan program pada hari ini.
10. Semoga usaha penganjuran program ini menjadi landasan bagi pelaksanaan program-program seterusnya yang memberi manfaat lebih luas.

Burung berkicau di pucuk jati,
Mentari pagi memancar cerah;
Alumni dan pelajar bersatu hati,
Membina legasi seni bina yang indah.

11. Dengan suci lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya
dengan sukacitanya merasmikan **“ID50 FEST -
50th ANNIVERSARY OF UITM INTERIOR
DESIGN PROGRAM”**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**